

**PEMBINAAN RANGKA KERJA KEBAJIKAN
MASYARAKAT BERTERASKAN EKONOMI DI
MASJID TERPILIH**

NAZMI QAYYUM BIN HAMDAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2025

**PEMBINAAN RANGKA KERJA KEBAJIKAN
MASYARAKAT BERTERASKAN EKONOMI DI
MASJID TERPILIH**

oleh

NAZMI QAYYUM BIN HAMDAN

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

September 2025

PERAKUAN PELAJAR

Saya, seperti yang bernama di bawah mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri melainkan nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumber atau rujukannya.

Nama Pelajar : NAZMI QAYYUM BIN HAMDAN

No Matrik : P-HD0002/22(R)

PENGHARGAAN

لَا يَشْكُرُ اللَّهَ مَنْ لَا يَشْكُرُ النَّاسَ (رواه أحمد في مسنده)

Segala puji bagi Allah dengan izin-Nya tesis ini dapat disiapkan. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada ibu (Powziah binti Nasir) dan bapa (Hamdan bin Saad) yang banyak membantu daripada segi kewangan dan juga semasa permusafiran ke Kelantan, Negeri Sembilan, Johor, Sabah dan Sarawak ketika tesis ini ditulis. Penghargaan kasih sayang ditujukan kepada isteri saya iaitu Diana binti Yazid yang menyokong dan menemani saya sepanjang perjalanan ke sembilan negeri untuk kajian ini serta melakukan bacaan pruf terhadap tesis ini. Begitu juga dengan bantuan-bantuan yang secara tidak langsung daripada adik-beradik saya iaitu Nurul Hayyum, Nuzul Qayyum dan Nazli Qayyum.

Penghargaan juga dirakamkan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi yang telah memberikan geran *Fundamental Research Grant Scheme* berjudul “Model Infak Bersepadu (MIB) Antara Masjid dan Kelompok Asnaf Terpilih” dengan kod rujukan FRGS/1/2021/SSIO/USM/02/21. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada penyelia penulis iaitu Profesor Madya Dr. Mohd Nizam bin Sahad yang merupakan orang terpenting dalam penulisan tesis ini. Beliau juga telah memberikan peluang kepada saya untuk menjadi Pembantu Penyelidik Geran sehingga terhasillah kajian ini. Begitu juga dengan ahli-ahli kumpulan dalam geran ini yang secara tidak langsung membantu saya. Tidak dilupakan juga dengan Adib Hilmi bin Hishamuddin yang membantu dalam teknikal ilmu hadis, Muhammad Imran bin Ibrahim dalam hal ehwal pengurusan masjid dan Mohd Fazim bin Ahmad dalam hal ehwal ekonomi.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
ISI KANDUNGAN.....	iii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH.....	x
SENARAI GAMBAR	xi
JADUAL TRANSLITERASI.....	xii
SENARAI ISTILAH.....	xv
SENARAI KEPENDEKAN	xvi
ABSTRAK.....	.xvii
ABSTRACT.....	.xix
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang	1
1.2 Pernyataan Masalah	2
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian.....	5
1.5 Sorotan Kajian Lepas.....	6
1.6 Skop dan Batasan Kajian	7
1.7 Kepentingan Kajian	8
1.8 Metodologi Kajian	9
1.8.1 Pelaksanaan Objektif	9
1.8.2 Pensampelan Data	10
1.8.3 Alat Pengumpulan Data	11
1.8.4 Instrumen Kajian.....	12
1.8.5 Kaedah Pengumpulan Data.....	14
1.8.6 Kaedah Analisis Data.....	19

1.8.7	Kerangka Grounded Theory	21
1.8.8	Kerangka Proses Kajian	24
1.9	Definisi Operasional	26
1.10	Rumusan	30
BAB 2 SOROTAN KARYA.....		32
2.1	Pengenalan	32
2.2	Pentadbiran Masjid Di Malaysia.....	33
2.2.1	Penyeliaan Masjid	33
2.2.2	Peranan Pegawai Masjid	35
2.3	Pengurusan Kebajikan Masjid	44
2.3.1	Dana Masjid Terhadap Aktiviti Kemasyarakatan.....	45
2.3.2	Pengurusan Kewangan.....	46
2.3.3	Pengurusan Fasiliti.....	48
2.3.4	Rekod	49
2.3.5	Bantuan Masjid Dalam Kesihatan	50
2.3.6	Bantuan Penempatan.....	51
2.3.7	Pengurusan Pengimaran Masjid.....	51
2.3.8	Aktiviti Pendidikan	53
2.3.9	Pengurusan Kebajikan Melalui Zakat Di Masjid.....	55
2.3.10	Peranan Kebajikan Masjid Malaysia Semasa COVID-19	58
2.4	Model-model Masjid.....	61
2.4.1	Model Kepimpinan Imam dan Prestasi Masjid Di Malaysia.	61
2.4.2	Model Pengukuran Prestasi Masjid	62
2.4.3	Model Pemberdayaan Ekonomi Masyarakat Berbasis Masjid Di Kota Tasikmalaya	64
2.4.4	Model Kecekapan Pengurusan Masjid Orang Asli Di Selangor	66
2.4.5	Model Koperasi Islam Berasaskan Masjid	70

2.4.6	Model Kewangan Sosial Islam Berasaskan Digital Menerusi Peranan Masjid.....	71
2.4.7	Model Pemeraksanaan Komuniti Bersepadu Berasaskan Masjid	73
2.5	Rumusan	76
BAB 3 PERANAN MASJID SELAIN IBADAH DALAM SEJARAH...		79
3.1	Makna Asal Masjid	79
3.2	Sejarah Masjid Terawal Dalam Millah Nabi Muhammad SAW	82
3.3	Peranan Masjid Semasa Zaman Rasulullah SAW	86
3.3.1	Peranan Masjid Semasa Zaman Nabi Muhammad SAW	86
3.3.2	Kelompokan Kajian Peranan Masjid Setelah Kewafatan Rasulullah SAW.....	106
3.4	Peranan Masjid Semasa Zaman Dahulu Selain Ibadah.....	107
3.4.1	Taklimat strategi perang	108
3.4.2	Menerima laporan perang	110
3.4.3	Menyimpan harta rampasan perang	111
3.4.4	Menjaga khazanah negara.....	112
3.4.5	Penempatan sementara harta.....	113
3.4.6	Pelantikan tentera.....	114
3.4.7	Pemimpin merehatkan diri setelah keletihan mengurus	116
3.4.8	Meleraikan panik	116
3.4.9	Titik pertemuan untuk bertempur	117
3.4.10	Melakukan baiah.....	120
3.4.11	Mengkritik pemerintah.....	123
3.4.12	Memberikan makanan.....	125
3.4.13	Pembahagian kumpulan tentera	125
3.4.14	Pemilihan ketua.....	126
3.4.15	Meminta hutang	127
3.4.16	Memberikan minuman	128

3.4.17	Mempamerkan hukuman bunuh	128
3.4.18	Menyebat penderhaka	130
3.4.19	Tempat jaminan keselamatan semasa konflik.....	130
3.4.20	Penempatan sementara senjata.....	132
3.4.21	Pengumuman jaminan keselamatan.....	132
3.4.22	Markas pertahanan	132
3.4.23	Pengumuman kematian.....	134
3.4.24	Persiapan alatan perang.....	134
3.4.25	Pengumuman peralihan pemerintahan	134
3.4.26	Pengumuman penegakan keadilan.....	135
3.4.27	Titik pertemuan untuk membuat pakatan	136
3.4.28	Mengiklankan jualan hamba	136
3.4.29	Tempat permulaan pemberontakan.....	137
3.4.30	Penyebaran propaganda	138
3.5	Analisis	138
3.6	Rumusan	143
BAB 4 DAPATAN KAJIAN LAPANGAN.....		145
4.1	Pengenalan	145
4.2	Data Masjid Perak.....	147
4.3	Data Masjid Selangor.....	150
4.4	Data Masjid Wilayah Persekutuan.....	152
4.5	Data Masjid Kelantan	155
4.6	Data Masjid Terengganu.....	156
4.7	Data Masjid Johor	159
4.8	Data Masjid Perlis.....	161
4.9	Data Masjid Melaka	163
4.10	Data Masjid Pulau Pinang.....	165

4.11	Data Masjid Negeri Sembilan.....	169
4.12	Data Masjid Pahang	171
4.13	Data Masjid Kedah	173
4.14	Data Masjid Sarawak	175
4.15	Data Masjid Sabah	179
4.16	Rumusan	182
BAB 5 ANALISIS KAJIAN		183
5.1	Pengenalan	183
5.2	Penerima Bantuan	183
5.3	Musafir.....	189
5.4	Bantuan Kepada Non-Muslim	195
5.5	Mualaf	197
5.6	Bantuan Sesama Masjid.....	199
5.7	Bentuk Bantuan.....	203
5.8	Kelas Agama	209
5.9	Kelas Ekonomi.....	210
5.10	Had Bantuan.....	212
5.11	Bantuan Lani	213
5.12	Rekod	215
5.13	Tatacara Bantuan	219
5.14	Pemeringkatan Autoriti Pengeluaran Dana.....	227
5.15	Pembentukan Rangka Kerja.....	230
5.16	Rumusan	236
BAB 6 KESIMPULAN		237
6.1	Kesimpulan Kajian.....	237
6.1.1	Hasil Kajian	237
6.2	Implikasi	239

6.2.1	Implikasi Teori.....	239
6.2.2	Implikasi Praktis	240
6.3	Cadangan.....	241
6.3.1	Cadangan Kepada Pengurusan Masjid dan Surau	241
6.3.2	Cadangan Untuk Penggunaan Teknologi.....	241
6.3.3	Cadangan Penyelidikan Masa Depan.....	242
RUJUKAN.....		244
LAMPIRAN		
SENARAI PENERBITAN		

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1	Perbandingan model teori masjid antara Malaysia & Indonesia6
Jadual 2	Senarai masjid terpilih11
Jadual 3	Rumusan kategori-kod peranan masjid selain ibadah139
Jadual 4	Data Masjid Perak147
Jadual 5	Data Masjid Selangor150
Jadual 6	Data Masjid Wilayah Persekutuan152
Jadual 7	Data Masjid Kelantan155
Jadual 8	Data Masjid Terengganu157
Jadual 9	Data Masjid Johor.....160
Jadual 10	Data Masjid Perlis161
Jadual 11	Data Masjid Melaka163
Jadual 12	Data Masjid Pulau Pinang165
Jadual 13	Data Masjid Negeri Sembilan170
Jadual 14	Data Masjid Pahang.....171
Jadual 15	Data Masjid Kedah173
Jadual 16	Data Masjid Sarawak.....175
Jadual 17	Data Masjid Sabah.....180
Jadual 18	Strategi bentuk bantuan209
Jadual 19	Contoh kelulusan perbelanjaan JAKIM228
Jadual 20	Kategori dan rumusan signifikan data lapangan230

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1	Kerangka <i>Grounded Theory</i>	22
Rajah 2	Kerangka proses kajian.....	25
Rajah 3	Proses Pengurusan Dana Sedekah Masjid Shah Alam	48
Rajah 4	Model Tadbir Urus Pengurusan Zakat Di Institusi Masjid	57
Rajah 5	Model Kepimpinan Imam Serta Prestasi Masjid Di Malaysia	62
Rajah 6	Model Ukuran Prestasi Masjid	63
Rajah 7	Model Pemberdayaan Ekonomi Masjid Di Tasikmalaya	66
Rajah 8	Model Kecekapan Pengurusan Masjid Orang Asli di Selangor	69
Rajah 9	Model Koperasi Islam Berasaskan Masjid	71
Rajah 10	Model Kewangan Sosial Islami Berasaskan Digital Menerusi Peranan Masjid	72
Rajah 11	Model Pemerkasaan Komuniti Bersepadu Berasaskan Masjid	76
Rajah 12	Rangka Kerja Kebajikan Masyarakat Berteraskan Masjid.....	233
Rajah 13:	Teras Teori Rangka Kerja	239

SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 1	Pengkaji bersama tiga AJK Masjid Darul Istiqamah di Sarawak.....19
Gambar 2	Rumah sewa milik Masjid al-Idrisiah di Perak195
Gambar 3	Stor makanan Masjid Jamek Sultan Abdul Samad.....204
Gambar 4	Tanaman hidroponik Masjid al-Ghaffar di Melaka.....211

JADUAL TRANSLITERASI

Transliterasi Huruf

Huruf Arab	Transliterasi
أ	a *
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	ḏh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ

Huruf Arab	Transliterasi
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
هـ / ه	h
ي	y / i
ة	ah **
ى / ا	ā ***

*Hamzah (ء)

Apabila diletakkan baris vokal, huruf hamzah mampu menjadi ا (a), إ (i), أُ (u)

dan pada penghujung sesebuah perkataan akan ditransliterasikan kepada (’).

**Konsonan Tā Marbūṭah (ة) Di Akhir Kata

Huruf tā marbūṭah pada hujung perkataan akan menjadi (-h) kerana dimatikan, contohnya perkataan الرسالة (ar-risālah). Manakala dalam bentuk frasa (*murakkabah*) ditransliterasikan kepada (t), contohnya أئمة الحديث (a‘immatu’l-hadīth).

***Huruf Vokal

Huruf alif (ا), waw (و) dan ya (ي) mampu menjadi vokal dan ia memanjangkan sebutan dengan transliterasi ā, ī, ū. Begitu juga dengan alif māddah (آ) dan alif maqṣūrah (ى) yang ditransliterasikan kepada (ā). Contohnya, perkataan القرآن (al-Qur’ān), صغرى (ṣuḡhrā).

Baris Vokal

(huruf ب sebagai contoh)

Vokal	Sebaris [ba, bi, bu]	Dua baris [ba(n), bi(n), bu(n)]
A	ا (ب)	أ (ب)
I	إ (ب)	إِ (ب)
U	أ (ب)	أُ (ب)

Shaddah/ Tashdīd (ّ)

Transliterasi untuk baris shaddah adalah dengan menggandakan huruf tersebut.

Contohnya العِرْقِيَّة (al-‘irāqiyyah).

Ḍamīr

Kata ganti diri (ḍamīr) akan dipisahkan dengan sempang (-) selepas kata nama atau kata sendi. Contohnya, عَلَيْكَ (‘alay-ka), جَعَلْنَاكُمْ (ja‘alnā-kum), رَسُولُنَا (rasūlu-nā).

Ya Nisbah

Transliterasi untuk huruf ya (ي) di hujung nama yang merupakan nisbah gelaran, maka hanya ditulis (-iy). Contohnya, الرَّازِي (al-Raziy).

Adaptasi daripada:

Pedoman Transliterasi Perkataan Arab Ke Ejaan Rumi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

SENARAI ISTILAH

ahli kariah	Penduduk kawasan yang berkongsi masjid atau surau tertentu.
baitul mal	Tempat menyimpan harta negara/ perbendaharaan.
imarah	Pelakuan menghidupkan masjid dengan aktiviti-aktiviti bermanfaat.
takmir	Aktiviti pengimaran masjid.

SENARAI KEPENDEKAN

AJK	Ahli Jawatankuasa
ASW	<i>‘alaḥī al-ṣallāh wa al-salām</i> (ke atasnya rahmat dan salam)
COVID-19	Coronavirus disease
JAIN	Jabatan Agama Islam Negeri
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
NGO	<i>Non-governmental Organization</i>
OKU	Orang Kurang Upaya/ Orang Kelainan Upaya
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PRPM	Pusat Rujukan Persuratan Melayu
RA	<i>raḍīyaAllahu ‘anhu / raḍīyaAllahu ‘anhā</i> (Allah meredainya)
SAW	<i>ṣallā Allah ‘alaḥī wa al-salām</i> (Allah merahmati dan memberikan kesejahteraan ke atasnya)
SOP	<i>Standard Operating Procedure</i>
SPMM	Standard Penarafan Masjid Malaysia

PEMBINAAN RANGKA KERJA KEBAJIKAN MASYARAKAT BERTERASKAN EKONOMI DI MASJID TERPILIH

ABSTRAK

Masjid merupakan tempat melakukan kebajikan selain daripada ibadah. Ahli politik terlibat dalam memberikan bantuan dengan menggunakan masjid sebagai tempat penerimaan. Namun begitu, sebahagian masyarakat menganggap perbuatan tersebut tidak patut, bahkan ada pihak masjid tidak memberikan ruang kepada asnaf untuk berniaga berhampiran masjid. Ditambah pula sesetengah masjid tidak cakna terhadap ahli kariahnya yang kesusahan. Hal ini menunjukkan seolah-olah masyarakat disempitkan dengan persepsi bahawa masjid hanyalah tempat beribadah. Perkara ini mungkin menyebabkan model kebajikan masyarakat berteraskan masjid menurut konteks Malaysia masih tidak diwujudkan. Oleh itu, kajian ini terdapat tiga objektif yang kesemuanya bersifat kualitatif. Objektif pertama tesis ini adalah untuk menyorot sejarah masjid berkaitan selain daripada ibadah setelah kewafatan Rasulullah SAW berdasarkan kitab *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* oleh al-Ṭabariy. Kajian dilakukan secara kepustakaan dan hasil dapatan dirumuskan secara tematik. Objektif kedua adalah untuk mengenal pasti kegiatan masjid dalam membantu golongan yang memerlukan kebajikan. Hal ini dilakukan dengan menemu bual sebanyak 21 informan di 14 masjid seluruh Malaysia. Data lapangan dianalisis secara *initial coding*, penulisan memo, *focused coding* (kategori). Objektif ketiga pula adalah untuk membina teori kebajikan masyarakat menurut masjid terpilih dalam bentuk rangka kerja. Hal ini dicapai melalui kerangka kajian *grounded theory* yang dianalisis secara *theoretical coding*. Hasil kajian bagi objektif pertama telah mengumpulkan 53 riwayat, kesemua riwayat itu dirumuskan kepada 5 kategori iaitu; 16 riwayat perihal politik, 23 riwayat perihal keselamatan, 6 riwayat perihal harta, 5 riwayat perihal hukuman, dan 3 riwayat perihal rehat dan rawat.

Hasil dapatan bagi objektif kedua, terdapat 13 kategori yang dirumuskan iaitu; penerima bantuan, musafir, bantuan kepada non-muslim, mualaf, bantuan sesama masjid, bentuk bantuan, kelas agama, kelas ekonomi, had bantuan, bantuan lani, rekod, tatacara bantuan, pemeringkatan autoriti pengeluaran dana. Hasil dapatan objektif ketiga, terhasilnya Rangka Kerja Kebajikan Masyarakat Berteraskan Masjid yang memiliki lapan elemen iaitu; beri maklumat, penyiasatan atau ziarah, tanya, pengesahan calon, data, bantuan, baucar, laporan audit. Tiga teras yang menjadi tulang belakang rangka kerja tersebut agar ia dijalankan dengan berkesan ialah maklumat orang awam, siasatan dan rekod. Kajian ini telah menghasilkan sebuah teori rangka kerja bagi pengurusan kebajikan masjid serta mampu diterapkan oleh seluruh masjid di Malaysia. Kajian ini mencadangkan agar rangka kerja ini diterapkan dalam pengurusan masjid dan juga aplikasi siber. Disarankan juga agar dilakukan kajian lanjutan berkenaan teori, model atau rangka kerja lain berteraskan masjid.

DEVELOPMENT OF COMMUNITY WELFARE FRAMEWORK BASED ON ECONOMY IN SELECTED MOSQUES

ABSTRACT

Mosques are places for welfare apart from worship. Politicians are involved in providing aid by using mosques as a place of reception. However, some people consider this act as inappropriate, and some mosques even do not allow space for *asnaf* to do business near the mosque. In addition, some mosques are not considerate of their parishioners who are suffering. This shows that society is narrowed down by the perception that mosques are only places of worship. This may be the reason why a mosque-based social welfare model in the Malaysian context has not yet been realized. Therefore, this study has three objectives, all of which are qualitative studies. The first objective of this thesis is to find the history of mosques related to welfare after the death of the Prophet Muhammad PBUH based on the book *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* by al-Ṭabariy. The study was conducted through literature and the findings were formulated thematically. The second objective is to identify mosque activities in helping groups in need of welfare. This was done by interviewing 21 informants in 14 mosques throughout Malaysia. Field data was analyzed through initial coding, memo writing and focused coding (category). The third objective is to construct a community welfare theory according to selected mosques in the form of framework. This is achieved through a grounded theory research framework that is analyzed through theoretical coding. The results of the study for the first objective have collected 53 narrations, all of which are summarized into 5 categories, namely; 16 narrations about politics, 23 narrations about security, 6 narrations about property, 5 narrations about punishment, and 3 narrations about rest and relaxation. The results for the second objective, there are 13 categories that have been formulated which are; aid recipients, travelers, aid to

non-Muslims, proselyte, aid from other mosques, forms of aid, religious class, economic class, aid limits, on the spot aid, records, aid procedures, ranking of fund disbursement authorities. The results for the third objective are the construction of Community Welfare Framework Based On Mosques that consist eight element which are; provide information, investigation/ visitation, ask, candidate verification, data, aid, vouchers, audit reports. Three core which are the backbone of this theory for it to be implemented effectively are public intelligence, investigation and records. This study has produced a theoretical framework for mosque welfare management that can be applied by all mosques in Malaysia. This study recommends using this framework for mosque management as well as cyber applications. It is also recommended that further studies be conducted on other aspect of mosque-based theory, models or framework.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Pada hujung tahun 2019 pula, dunia menghadapi wabak virus *severe acute respiratory syndrome corona virus 2* (Sars-Cov-2) atau lebih dikenali sebagai COVID-19. Hal ini turut memberikan kesan terhadap aspek sosial, kesihatan serta ekonomi rakyat Malaysia sehingga kerajaan terpaksa melaksanakan kawalan pergerakan yang dikenali sebagai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Semasa tempoh PKP, ramai orang yang terjejas daripada segi ekonomi sehingga tercetusnya fenomena “Bendera Putih.” Banyak industri, syarikat dan perniagaan ditutup yang menyebabkan kadar kemiskinan dan kadar pengangguran negara semakin meningkat.¹

Terdapat beberapa institusi kewangan yang memberikan bantuan kewangan kepada golongan yang memerlukan seperti institusi zakat, bank, daripada kerajaan sendiri dan juga pelbagai Pertubuhan Bukan Kerajaan. Institusi mikrokewangan atau *microfinance institution* di Malaysia seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) dan Yayasan Usaha Malaysia (YUM) juga berperanan membantu masyarakat untuk memulakan perniagaan dengan cara memberikan pinjaman wang. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) juga telah membenarkan para penyimpan untuk mengeluarkan wang mereka semasa waktu kecemasan seperti COVID-19 ini.

¹ Ab Rahman et al. 2020. Peranan Wakaf Dalam Mendepani Pendemik Covid-19: The Role of Waqf in Combating Covid-19 Pandemic. *Journal of Fatwa Management and Research*, 49-64.

Selain daripada badan-badan kewangan tersebut, masjid juga hakikatnya merupakan institusi kebajikan secara tidak rasmi. Majoriti ahli jemaah masjid di daerah Kubang Pasu bersetuju bahawa masjid memiliki sumber kewangan yang mencukupi bagi perbelanjaan bulanan dan telah melaksanakan aktiviti untuk pelbagai golongan.² Walaupun wujudnya PKP semasa pandemik tetapi aktiviti imarah masjid tidak terhenti, bahkan ia digantikan dengan kegiatan membantu masyarakat yang terkesan.³ Walaupun terdapat masjid yang membantu ahli kariah, tetapi bukan semua masjid aktif dalam aktiviti tersebut.

1.2 Pernyataan Masalah

Pernyataan masalah merupakan perkara terpenting apabila hendak memulakan kajian. Terdapat beberapa sumber yang dapat digunakan bagi mengenal pasti masalah, antaranya melalui pengalaman pengkaji dalam kehidupan peribadinya ataupun di tempat kerja, permasalahan yang ditimbulkan dalam kajian, perbincangan mengenai polisi dalam kerajaan atau orang atasan,⁴ statistik atau laporan rasmi tentang sesuatu isu, perbincangan teori terhadap suatu isu dan juga cadangan daripada penyelidikan terdahulu.⁵

Permasalahan pertama ialah persepsi sempit masyarakat terhadap peranan masjid selain daripada ibadah di Malaysia. Pada tahun 2019, terdapat isu kononnya ahli

² Hydzulkifli Hashim et al., 'Persepsi Ahli Jemaah Masjid Terhadap Pengurusan Kewangan Masjid Di Daerah Kubang Pasu Kedah', *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 2.2 (2016), 164–72.

³ Mohd Ridhwan Remly et al. 2022. "Peranan Pengurusan Masjid Dan Ahli Jemaah Dalam Mengimarahkan Institusi Masjid Pasca Wabak COVID-19: Satu Sorotan." *Al-Turath Journal Of Al-Quran and Al-Sunnah* 7 (1):14.

⁴ John W. Creswell & J. David Creswell. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Edisi ke-5. Amerika Syarikat: Sage Publications, 2018, hlm. 159.

⁵ Mohd Majid Konting. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 2000. Rujuk juga; Noremy Md Akhir, dan Nor Jana Saim. "Pendahuluan." dalam *Penulisan Tesis: Kajian Kualitatif Dan Kuantitatif*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2021, hlm. 20.

politik datang ke masjid untuk berkempen secara halus. Exco Pendidikan, Teknologi, Sains dan Alam Sekitar ketika itu iaitu Abdul Aziz Bari berkata, bukan semua wakil rakyat ke masjid untuk berpolitik sebaliknya mereka menjalankan tanggungjawab kepada masyarakat. Beliau juga mengatakan bahawa masjid sebenarnya bukan tempat solat sahaja tetapi pelbagai aktiviti boleh dibuat 24 jam di masjid.⁶ Sebuah kertas kajian menceritakan terdapat masjid tidak meluluskan cadangan agar kawasan masjid diberikan ruang untuk asnaf berniaga, dengan alasan risau ahli kariah berasa sensitif terhadap aktiviti perniagaan di kawasan masjid.⁷ Fenomena ini selari dengan kenyataan Abdul Munir bahawa fungsi masjid di Malaysia lebih tertumpu sebagai pusat beribadah.⁸ Ari & Bayu juga mendapati di Indonesia bahawa peranan masjid sebagai pusat peradaban umat semakin mengalami penyempitan.⁹ Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan terdapat persepsi masyarakat bahawa masjid hanya terkongkong dengan aktiviti ibadah saja. Manakala perkara berkaitan hal ehwal selain daripada ibadah seperti kebajikan seolah-olah tidak dibenarkan di kawasan masjid.

Permasalahan kedua adalah berkenaan kurangnya keberkesanan bantuan masjid kepada orang yang memerlukan bantuan kewangan di Malaysia. Sebuah kajian di Perak mendapati bahawa sebanyak 73.6% responden bersetuju agar masjid menjana dana dan memberikannya kepada golongan yang memerlukan.¹⁰ Raja Muda Perlis iaitu Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail juga pernah menitahkan agar setiap masjid di Perlis

⁶ Saifullah Ahmad. 2019. "Wakil Rakyat Ke Masjid Bukan Untuk Berpolitik, Kata Aziz Bari." *Sinar Harian*, Mei 25.

⁷ Suhaimi Mhd Sarif et al. 2021. "Cooperative Behavior (Ta'awun) between Mosques and Civic Organizations in Empowering Asnafpreneurs through IIUM M-Kitchen® Project." Dalam *Proceedings of the 2nd Kedah International Zakat Conference 2021 (KEIZAC 2021)*, hlm. 5-6.

⁸ Abdul Munir Ismail. 2012. *Urus Tadbir Masjid Secara Berkesan*. Perak, Malaysia: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, hlm. 3.

⁹ Ari Saputra & Bayu Mitra Adhyatma Kusuma. 2017. "Revitalisasi Masjid Dalam Dialektika Pelayanan Umat Dan Kawasan Perekonomian Rakyat." *Al-Idarah: Jurnal Manajemen Dan Administrasi Islam Revitalisasi* 1 (1): 3.

¹⁰ Fidlizan Muhammad et al. 2014. "Persepsi Masyarakat Islam Terhadap Idea Penjanaan Dana Masjid: Kajian Di Perak." *Sains Humanika* 2, no. 1: 101-106.

membantu masyarakat yang terjejas sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa COVID-19.¹¹ Perkara ini menunjukkan bahawa rakyat dan pemerintah bersetuju agar masjid membantu golongan susah. Namun begitu, peranan masjid dalam hal ini kurang menonjol. Norfarahain Abd Manap berumur 34 tahun, penghidap kanser limfoma tahap dua berkata:

Ikutkan hati, saya hampir putus asa dan pernah terfikir untuk meminta bantuan gereja kerana hingga kini masih masih gagal mengumpul RM420,000 bagi membeli 24 suntikan disyorkan doktor.¹²

Saya bersyukur kerana sehingga kini Maij dan Mindef menaja 10 botol suntikan bernilai keseluruhan RM200,000. Saya masih memerlukan dana RM220,000 bagi mendapatkan bekalan 14 lagi suntikan seperti yang dinasihatkan doktor.¹³

Menurut dua laporan ini, tidak kelihatan peranan masjid kariah tempat tinggal Norfarahain Abd Manap yang menjadi tanda tanya adakah mereka tidak membantunya dalam masalah tersebut. Kes ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa masjid di Malaysia masih tidak cekap dalam menguruskan kebajikan. Jika sistem pengurusan masjid dalam keadaan lemah, maka fungsi sebagai institusi yang mengubah masyarakat tidak mampu tercapai.¹⁴

Permasalahan ketiga adalah ketiadaan model atau teori pengurusan kebajikan masjid yang dihasilkan menurut konteks Malaysia. Sebuah kajian oleh Jismi Md Salleh dan rakan-rakannya telah mencadangkan untuk kajian lain dilakukan mengenai bagaimanakah pihak masjid perlu memperbaiki peranannya agar lebih berkesan dalam

¹¹ Dziyaul Afnan Abdul Rahman. "Masjid Perlu Bantu Kariah Yang Terjejas." *Harian Metro*, 2020, 5 April.

¹² Dass, Mary Victoria. 2023. "Pernah Terfikir Nak Minta Bantuan Gereja, ...Jangka Hayat Saya Makin Pendek." *Berita Harian Online*, September 7.

¹³ Dass, Mary Victoria. 2024. "Putus bekalan ubat lawan sel tumor." *Harian Metro*, Ogos 6.

¹⁴ Abdul Munir Ismail. 2012. *Ibid.*, hlm. 2.

membantu ahli-ahli kariah yang mengalami kesukaran hidup.¹⁵ Idea sebegini juga ada diusulkan oleh pengkaji Indonesia agar masjid menjadi salah satu strategi sebagai pemeriksa kebajikan masyarakat.¹⁶ Hal sedemikian dapat dilakukan jika sebuah model teori dibina berdasarkan pengalaman pelbagai masjid. Akan tetapi, hal tersebut tidak wujud sebagaimana yang akan diterangkan dengan lebih lanjut pada Bab Sorotan Karya.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan ketiga-tiga permasalahan tadi, maka timbullah persoalan kajian:

1. Apakah masjid juga berperanan dalam hal ehwal selain ibadah menurut lembaran sejarah Islam?
2. Bagaimanakah masjid membantu golongan yang memerlukan bantuan kebajikan?
3. Apakah teori rangka kerja kebajikan masyarakat berteraskan masjid menurut konteks Malaysia?

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan persoalan kajian ini, maka terhasil tiga objektif kajian seperti berikut:

1. Menyorot sejarah peranan masjid dalam lembaran sejarah Islam berkaitan selain daripada ibadah.

¹⁵ Jismi Md Salleh, Mohd Syazwan Karim, Nor Adila Kedin & Shahitul Badariah Sulaiman. 2021. "Persepsi Masyarakat Negeri Melaka Terhadap Peranan Masjid Ketika Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)." *Jurnal 'Ulwan* 6, no. 2: 195-211.

¹⁶ AM Hasan Ali. 2024. "Community-based Economic Development and Partnership Cooperation: The Economics Strategy for Prosperity of the Ummah." *Samarah: Jurnal Hukum Keluarga dan Hukum Islam* 8, no. 2: 1288.

2. Mengenal pasti cara masjid di Malaysia membantu golongan yang memerlukan kebajikan.
3. Membina teori kebajikan masyarakat berteraskan masjid menurut konteks Malaysia dalam bentuk rangka kerja.

1.5 Sorotan Kajian Lepas

Berikut dikemukakan beberapa kajian mengenai pengasasan model atau teori masjid yang dibuat oleh para penyelidik daripada Malaysia dan Indonesia. Berikut ialah model yang telah dicipta oleh penyelidik di Malaysia dan Indonesia:

Jadual 1
Perbandingan model teori masjid antara Malaysia & Indonesia

Malaysia	Indonesia
• Model kepimpinan imam serta prestasi masjid di Malaysia.¹⁷ • Model ukuran prestasi masjid.¹⁸ • Model kecekapan pengurusan masjid Orang Asli.¹⁹	• Model pemeraksanaan ekonomi masjid di Tasikmalaya.²⁰ • Model koperasi Islam berasaskan masjid.²¹

¹⁷ Mahazan, AM & AG Abdullah. 2013. "A Model of Imam's Leadership and Mosque Performance in Malaysia." *Global Journal Al-Thaqafah* 3(2): 53-64.

¹⁸ Muhd Fauzi & Sharifah Norzehan. 2015. "Performance Measurement Model of Mosques." *Procedia Economics and Finance* 31: 26-35.

¹⁹ Muhammad Yusuf & Zulkefli Hj Aini. "The Efficiency Model of Mosque Management for the Indigenous Community in Selangor." *Jurnal Hal Ehwal Islam Dan Warisan Selangor* 1, no. 1 (2017): 1-9.

²⁰ Asep Suryanto & Asep Saepulloh. 2016. "Optimalisasi Fungsi Dan Potensi Masjid: Model Pemberdayaan Ekonomi Masyarakat Berbasis Masjid Di Kota Tasikmalaya." *Iqtishoduna: Jurnal Ekonomi Islam* 5(2): 1-27.

²¹ Nur Indah Riwayanti & Fadloli. 2019. "Mosque-Based Islamic Cooperative for Community Economic Development." *Review of Integrative Business and Economics Research* 8: 196.

	• Model kewangan sosial Islami berasaskan digital menerusi peranan masjid.²² • Model pemeraksanaan komuniti bersepadu berasaskan masjid.²³
--	---

Secara amnya, fokus utama model atau teori binaan penyelidik Malaysia adalah untuk pengurusan organisasi seperti kepimpinan, pengukuran prestasi dan kecekapan pengurusan. Sementara itu, penyelidik Indonesia cenderung untuk membuat model atau teori masjid sebagai institusi kewangan mikro. Oleh itu, masih tiada lagi model atau teori pengurusan kebajikan masjid berdasarkan konteks Malaysia.²⁴ Perkara ini juga dibahasakan secara lebih terperinci pada Bab 2 Sorotan Karya.

1.6 Skop dan Batasan Kajian

Batasan bagi objektif pertama adalah menyorot sejarah peranan masjid dalam hal ehwal kebajikan selepas kewafatan Rasulullah SAW sehinggalah era 302 hijrah. Hal ini demikian kerana skop kajian hanya menumpukan riwayat-riwayat yang terdapat dalam kitab *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* oleh al-Ṭabariy. Batasan bagi objektif kedua, kajian dilakukan hanyalah terhadap 14 masjid yang telah memenangi anugerah perdana Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM) pada tahun 2020. Skop kajian lapangan hanya menumpukan pengurusan masjid dalam pengurusan kebajikan terhadap masyarakat.

²² Aminah Nuriyah & Ulumuddin Nurul Fakhri. "Designing of Digital-Based Islamic Social Finance Model through Role of Mosque." *Jurnal Ekonomi dan Keuangan Islam* 8, no. 1 (2022): 77-93.

²³ Widiyanto bin Mislan Cokrohadisumarto & Yuli Indah Sari. 2024. "Mosque-Based Integrated Community Empowerment Model." *Islamic Social Finance* 4, no. 1.

²⁴ Mohd Nizam Sahad et al. "Mosques' Management Model in Indonesia and Malaysia: A Systematic Literature Review." *International Journal of Academic Research in Economics and Management Sciences* 11, no. 3 (2022): 71-83.

1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini secara umumnya adalah untuk mengekalkan kelestarian masyarakat dan juga masjid daripada sudut kebajikan. Pertama, kajian ini untuk menyedarkan masyarakat bahawa masjid bukanlah tempat aktiviti riadah saja, bahkan ia melibatkan hal ehwal kebajikan dan sebagainya. Kepentingan ini merujuk kepada objektif pertama.

Kedua, kajian ini penting agar masjid menerapkan teori rangka kerja yang berkesan supaya ahli kariah atau masyarakat hidup makmur dengan cara memaksimumkan kemampuan kewangan masjid tanpa memudaratkannya. Ketiga, teori rangka kerja yang berkesan ini mampu mengelakkan masjid daripada menyelewengkan dan serta data kewangan masjid.

Keempat, pihak-pihak berkepentingan yang menguruskan masjid seperti Majlis Agama Islam Negeri atau Jabatan Agama Islam Negeri juga boleh menerapkan teori rangka kerja ini ke dalam aplikasi telefon pintar atau sistem elektronik. Kewujudan sistem elektronik dilihat mampu meningkatkan ketelusan dalam hal ehwal perekodan kewangan masjid sama ada daripada sudut pendapatan masjid mahupun kemampuan masjid untuk menyebarluaskan dana terhadap pembangunan ekonomi kariah secara mikro dan makro.²⁵

²⁵ Hussin, Mohd Yahya Mohd, Fidlizan Muhammad, Mohamad Hassan, Azila Abdul Razak & Nurul Fadly Habidin. 2015. "Aplikasi teknologi sistem perakaunan untuk penjaan ekonomi masjid." *Geografia* 11(2): 56.

1.8 Metodologi Kajian

Pada subtopik ini akan diterangkan metodologi kajian yang diterapkan untuk memenuhi ketiga-tiga objektif.

1.8.1 Pelaksanaan Objektif

Keseluruhan kajian ini memakai pendekatan kualitatif. Maxwell menyatakan bahawa kekuatan signifikan dalam kajian kualitatif adalah:²⁶

- Kajian kualitatif secara signifikannya terbit daripada pendekatan induktif. Kajian ini sememangnya melakukan induktif.
- Fokus pada situasi atau orang khusus. Kajian ini dijalankan secara khusus terhadap ahli jawatankuasa masjid.
- Penekanan terhadap keterangan. Kajian ini memberikan penekanan terhadap keterangan pengurusan kebajikan masjid terhadap masyarakat.

Manakala kerangka kajian yang digunakan ialah *grounded theory* yang pertama kali digunakan oleh Glaser and Strauss. *Grounded theory* merujuk kepada teori yang dihasilkan daripada data kajian lapangan.²⁷ Ketiga-tiga objektif yang disebutkan dalam Bab Pengenalan akan dilaksanakan seperti berikut:

- Objektif 1: Dikumpulkan secara kepustakaan *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* oleh al-Ṭabariy. Data akan dirumuskan secara tematik.

²⁶ Maxwell, Joseph A. 2013. *Qualitative Research Design: An Interactive Approach*. Edisi ke-3. Amerika Syarikat: Sage Publication, hlm. 40.

²⁷ Maxwell, Joseph A. *Ibid.*, hlm. 58.

- Objektif 2: Dikumpulkan secara temu bual lapangan dan juga penelitian dokumen. Data dianalisis secara pengkodan, pengkategorian dan penulisan memo.
- Objektif 3: Membina teori pengurusan kebajikan masjid berdasarkan data yang diperolehi daripada objektif kedua.

Kesemua kaedah pengumpulan data, analisis data dan yang berkaitan dengan kedua-duanya akan diterangkan dengan lebih lanjut seperti berikut.

1.8.2 Pensampelan Data

Minimum informan adalah sebanyak 20 orang. Hal ini demikian kerana kajian ini memilih reka bentuk teori berasas (*grounded theory*). Saiz sampel bagi kajian teori berasas memerlukan antara 20-30 informan.²⁸

Pemilihan masjid pula ialah masjid yang memenangi anugerah perdana Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM) pada tahun 2020. Terdapat empat komponen bagi SPMM iaitu komponen pengurusan, pengimarahannya, kemudahan prasarana dan persekitaran.²⁹

Oleh itu, pensampelan data ini ialah pensampelan bertujuan iaitu sampel-sampel dipilih berdasarkan ciri-ciri yang dikehendaki penyelidik.³⁰ Berikut ialah kesemua 14 masjid tersebut yang telah memenangi SPMM 2020,³¹ serta nama singkatannya:

²⁸ John W. Creswell & J. David Creswell. *Ibid.*, hlm. 262.

²⁹ JAKIM. 2021. *Standard Penarafan Masjid Malaysia*. Wilayah Persekutuan: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

³⁰ Ahmad Sunawari Long. 2015. *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 86.

³¹ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia – JAKIM. 2021. “KENYATAAN MEDIA JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA BERKENAAN ANUGERAH MASJID MALAYSIA (AMM) TAHUN 2020”. *Facebook*, 12 Mac.

Jadual 2
Senarai masjid terpilih

Nama Masjid	Singkatan
1. Masjid Al-Idrisiah, Bukit Bertam, Perak.	MPK
2. Masjid Bandar Seri Putra, Selangor.	MSL
3. Masjid Jamek Sultan Abdul Samad, Wilayah Persekutuan.	MWP
4. Masjid Sri Aman, Kelantan.	MKN
5. Masjid al-Islah, Terengganu.	MT
6. Masjid Bandar Kota Tinggi, Johor.	MJ
7. Masjid Al-Barakah, Perlis.	MPR
8. Masjid al-Ghaffar, Melaka.	MM
9. Masjid Jamiul Badawi, Pulau Pinang.	MPP
10. Masjid Tuanku Mukhriz, Negeri Sembilan.	MNS
11. Masjid Tengku Mahkota Abdullah, Rompin, Pahang.	MPH
12. Masjid Al-Ehsan, Langkawi, Kedah.	MKD
13. Masjid Darul Istiqamah, Sarawak.	MSW
14. Masjid Puncak Taqwa, Sabah.	MSB

Pemilihan pada tahun 2020 adalah kerana masjid ini secara logiknya memiliki sistem pengurusan kebajikan yang bagus kerana masih memenangi walaupun pada zaman COVID-19, maka ia berpotensi besar untuk menghasilkan sebuah teori pengurusan kebajikan masyarakat berteraskan masjid. Sasaran informan ialah staf atau ahli jawatankuasa yang menguruskan hal ehwal kebajikan di masjid-masjid tersebut.

1.8.3 Alat Pengumpulan Data

Alat pengumpulan data ialah perakam suara dengan menggunakan telefon pintar. Selain itu juga, kamera telefon pintar digunakan untuk menangkap gambar kawasan masjid atau fasiliti masjid.

1.8.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini ialah soalan temu bual separa berstruktur. Secara adatnya, soalan temu bual perlu melalui penilaian kualiti. Antara kaedahnya adalah dengan melalui proses kesahan pakar (*panel of experts*).³² Menurut Linda Davis, pakar tersebut boleh jadi terlibat dalam populasi sasaran, memiliki sijil pengiktirafan dalam bidangnya dan beberapa lagi ciri-ciri. Pakar dalam hal ehwal menentukan kandungan atau susunan instrumen juga diperlukan dalam proses ini.³³

Pada pusingan pertama, dua pakar telah dipilih untuk menilai kandungan draf pertama soalan separa berstruktur. Seorang pakar terlibat dalam pengurusan masjid serta memiliki ijazah sarjana pengajian Islam berkenaan masjid serta berpengalaman menjadi Pegawai Penyelaras Kanan Takmir Negeri Perak Bahagian Dakwah. Manakala seorang lagi pakar memiliki ijazah sarjana dalam bidang ekonomi. Setelah menerima penilaian, soalan separa berstruktur itu ditambah baik berdasarkan komen para penilai. Hasil tambah baik itu menjadi soalan separa berstruktur draf kedua.

Kemudian, soalan separa berstruktur draf kedua tersebut akan dinilai oleh seorang pakar yang memiliki ijazah doktor falsafah dalam pengajian Islam dan berpengalaman dalam melakukan kajian lapangan. Komen beliau akan digunakan untuk menambah baik lagi soalan temu bual tersebut. Pada proses terakhir, pengkaji akan berbincang dengan penyelia untuk mengemaskan lagi draf tersebut sehinggalah terhasilnya draf ketiga yang merupakan draf terakhir.

³² Davis, Linda Lindsey. 1992. "Instrument review: Getting the most from a panel of experts." *Applied nursing research* 5 (4):194.

³³ Davis, Linda Lindsey. *Ibid.*

Proses penilaian menggunakan dua draf soalan temu bual yang berlainan ini bukanlah sesuatu yang asing dalam dunia kajian ilmiah. Hal ini juga telah dilakukan oleh Pérez-Rivas dan rakan-rakannya yang turut menggunakan soalan versi penambahbaikan untuk dinilai oleh pakar.³⁴ Kesemua penilaian kesahan merupakan pendapat yang bersifat subjektif berdasarkan keputusan pengkaji.³⁵ Oleh itu, tiada ketetapan bahawa kesahan pakar perlu dibuat hanya pada soalan temu bual versi awal.

Soalan separa berstruktur mengandungi dua bahagian sebagaimana dalam Lampiran A. Bahagian A adalah berkenaan demografi informan serta masjid iaitu; tarikh, nama masjid, alamat masjid, nama informan dan jawatan informan. Bahagian B pula merupakan soalan-soalan utama dalam kajian ini yang mengandungi 12 soalan. Berikut ialah tema ringkas bagi kesemua 12 soalan tersebut:

1. Penerima infak
2. Rekod nama penerima bantuan
3. Tatacara pembahagian infak
4. Bantuan kepada non-muslim
5. Bantuan ekonomi masjid
6. Had bantuan bagi individu
7. Bantuan lani
8. Bantuan mualaf
9. Bantuan musafir
10. Kelas agama
11. Kelas ekonomi
12. Bantuan sesama masjid

³⁴ Pérez-Rivas, Francisco Javier et al. "Design and Content Validation Using Expert Opinions of an Instrument Assessing the Lifestyle of Adults: The 'Ponte a 100' questionnaire." *Healthcare* 11, no. 14 (2023): 2040.

³⁵ Noorzan Mohd Noor. 2010. *Writing Research & Thesis Proposals: Guidelines & Examples*. Selangor, Malaysia: UiTM Press, hlm. 179.

Pada lampiran borang kesahan pakar, terdapat tiga bahagian (A, B dan C) kerana kajian ini adalah sebahagian daripada geran *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Oleh itu, tesis ini hanya mengambil bahagian A dan C, lalu menjadikannya kepada bahagian A dan B dalam tesis ini.

1.8.5 Kaedah Pengumpulan Data

a) Kajian dokumentasi

Kajian dokumentasi mengenai sejarah mikro peranan masjid dalam hal ehwal selain ibadah dilakukan bagi memenuhi objektif pertama. Menurut Hargadon & Wadhawani, sejarah mikro berperanan dalam kajian pengurusan, antaranya adalah untuk mengetahui perbuatan normal yang terkecuali (*exceptional normal actions*).³⁶ Sejarah mikro juga sesuai digunakan dalam kajian *grounded theory* untuk mengetahui apa yang telah berlaku pada masa lampau dan dibandingkan dengan masa kini.³⁷ Selain itu juga, ia berperanan sebagai menilai atau dinilai oleh teori yang bakal dihasilkan, sebagaimana yang disebut oleh Hargadon:

Remember, the purpose of grounded theory building is to develop new and valuable explanations for how culture shapes and is shaped by cognition and action. As with disconfirming data, extant theories in the literature that conflict with emerging insights serve as a test that either refines the emerging theory or, conversely, is refined by the emerging and conflicting theory.³⁸

³⁶ Hargadon, A.B., & Wadhawani, R.D. 2023. "Theorizing with microhistory." *Academy of Management Review* 48(4): 681-696

³⁷ Hargadon, Andrew. 2015. "From what happened to what happens: Using microhistorical case studies to build grounded theory in organization studies." Dalam *Handbook of Qualitative Organizational Research*, suntingan oleh Kimberly D. Elsbach & Roderick M. Kramer. New York: Routledge, hlm. 127.

³⁸ Hargadon, Andrew. 2015. *Ibid.*, hlm. 130.

Rujukan bagi objektif pertama ialah kitab *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* oleh al-Ṭabariy untuk mencari peranan-peranan masjid dalam hal ehwal kebajikan setelah kewafatan Rasulullah SAW. Justifikasi *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* dipilih kerana menurut Hamidullah, ia merupakan kitab sejarah universal pertama yang dihasilkan oleh sarjana Islam.³⁹ Moshe Perlmann pula menyatakan ia merupakan kitab sejarah universal yang paling penting yang dihasilkan dalam dunia Islam.⁴⁰ Kitab tersebut mengandungi sejarah permulaan alam, kisah-kisah manusia sejak daripada Nabi Adam AS dan juga manusia-manusia setelahnya.⁴¹ Inilah yang dimaksudkan sebagai sejarah universal. Ramai sarjana setelah al-Ṭabariy seperti Ibn Kathīr dalam *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* yang banyak menukilkan sejarah daripada kitab beliau. Walaupun ia bersifat universal tetapi ia fokus terhadap perkembangan dunia Islam. Berdasarkan alasan-alasan ini, maka kitab ini dipilih sebagai data bagi objektif pertama.

Kitab *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* yang dipilih ialah tahkik oleh Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm kerana tahkik ini paling mahsyur. Beliau telah mencari manuskrip kitab tersebut di 12 maktabah sama ada di tanah Arab atau di negara Barat termasuklah terbitan Leiden. Terjemahan *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* dalam bahasa Inggeris iaitu *The History of al-Tabari* juga dijadikan rujukan terutamanya daripada segi terjemahan dan nota kaki. Terjemahan ini adalah berdasarkan manuskrip yang diterbitkan oleh E.J. Brill of Leiden, dan manuskrip di Turki iaitu Topkapi Sarayı.⁴²

³⁹ Muhidin Mulalic. 2003. "Al-Tabari: The Conception of History." *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 4, no. 1: 193.

⁴⁰ Moshe Perlmann. 1987. *The History of al-Tabari Volume IV: The Ancient Kingdoms*. New York: State University of New York Press, hlm. vii.

⁴¹ Al-shraiyyeen, Rauf Abdullah, & Salameh Al-naimat. 2019. "The Narrations of Wahb Bin Munabbih in al-Tabari's History of the Prophets and Kings and their Torah Dimensions." *Jordan Journal for History and Archaeology* 13, no. 2: 1-31.

⁴² Franz Rosenthal. 1989. *The History of al-Tabari Volume I: General Introduction and From the Creation to the Flood*. New York: State University of New York Press, hlm. x & xiv.

Segala maklumat yang berkaitan dalam *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* akan dinukil daripada era pemerintahan Saidina Abu Bakr al-Ṣiddiq RA sehinggalah era terakhir yang direkodkan dalam kitab tersebut iaitu pada 302 hijrah. Kitab tersebut mengandungi riwayat hadis, athar dan sirah bercampur antara yang sahih dan palsu. Al-Ṭabariy sendiri menyatakan dalam mukadimah kitabnya:

فما يكن في كتابي هذا من خبر ذكرناه عن بعض الماضين مما يستنكره قارئه، أو يستشعنه سامعه، من أجل أنه لم يعرف له وجهها في الصحة، ولا معنى في الحقيقة، فليعلم انه لم يؤت في ذلك من قبلنا، وإنما أتى من قبل بعض ناقله إلينا، وإنا إنما أديننا ذلك على نحو ما أدى إلينا

Terjemahan:

Apa yang aku sebutkan dalam kitabku ini perihal sebahagian tokoh-tokoh silam, yang mana pembaca akan membantahnya atau pendengar akan menolaknya kerana tiada sudut kesahihan padanya dan tidak memberi makna pada hakikatnya, ketahuilah bahawa ia bukan dinisbahkan kepada kami. Tetapi ia berasal daripada mereka yang meriwayatkan kepada kami dan kami hanya meriwayatkannya sebagaimana ia diriwayatkan kepada kami.⁴³

Kajian ini menumpukan riwayat-riwayat athar dan sirah, maka riwayat yang dipilih sekurang-kurangnya ialah daif ringan. Penerimaan riwayat daif ringan adalah dibenarkan selagi ia tidak berkaitan dengan akidah, hukum halal-haram,⁴⁴ dan tidak melanggar dalil sahih yang lain,⁴⁵ seperti riwayat sejarah dan fadilat sesuatu amalan. Menurut Akram Ḍiyā' al-'Umariy, adalah perkara yang kurang munasabah jika mensyaratkan riwayat-riwayat sejarah dengan syarat sahih sahaja untuk menerimanya.⁴⁶ Al-Kāfījī dalam kitabnya *al-Mukhtaṣar fī 'Ilm al-Tārīkh* menyatakan:

⁴³ Al-Ṭabariy, Muḥammad bin Jarīr. 1967. *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk*. Mesir: Dār al-Ma'ārif, jil. 1, hlm. 8.

⁴⁴ Syed Abdul Majid Ghouri. 2012. *Kamus Istilah Hadis*. Terjemahan oleh Zulhilmi, Ahmad Sanusi & Muhammad Hazim. Selangor: Darul Syakir Enterprise, hlm, 328.

⁴⁵ Al-'Umariy, Akram Ḍiyā'. 1994. *Al-Sīrah al-Nabawīyyah al-Ṣaḥīḥah Muḥāwalah li Taḥbīq Qawā'id al-Muḥaddithīn fī Naqd Riwāyāt al-Sīrah al-Nabawīyyah*. Madinah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam, jil. 1, hlm. 40.

⁴⁶ Al-'Umariy, Akram Ḍiyā'. 1994. *Ibid*, jil. 1, hlm. 45.

يجوز للمؤرخ أن يروي في تاريخه قولاً ضعيفاً في باب الترغيب والترهيب والاعتبار مع التنبيه على ضعفه، ولكن لا يجوز له ذلك في ذات الباري عز وجل وفي صفاته ولا في الأحكام

Terjemahan:

Diharuskan bagi sejarawan untuk meriwayatkan riwayat yang daif dalam kitab sejarah mereka perihal *al-targhīb* (galakan) dan *al-tarhīb* (ancaman), dan mengambil pengajaran serta peringatan akan kelemahannya. Akan tetapi (riwayat daif itu) tidak boleh berkenaan zat Pencipta *‘azza wa jalla* (Allah), berkenaan sifat-Nya, dan juga berkenaan hukum-hakam.⁴⁷

Oleh yang demikian, riwayat sejarah yang daif boleh diterima jika tidak melibatkan akidah mahupun halal dan haram. Riwayat daif dalam kitab *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* turut diterima bagi memenuhi objektif pertama selagi ia tidak mencapai *da‘if jiddan*. Majoriti ulama menerima hadis daif ringan perihal riwayat sejarah.⁴⁸ Dalam hal penilaian status riwayat, pengkaji bergantung pada tahkik al-Barzanjiy dalam kitabnya *Ṣaḥīḥ wa Da‘if Tārīkh al-Ṭabariy*. Namun begitu, jika al-Barzanjiy tidak memberikan keputusan muktamad perihal status riwayat tersebut, maka pengkaji akan cuba menilainya sendiri dengan syarat-syarat asas berikut:

- Perawi tersebut sekurang-kurangnya tidak dikritik dengan kritikan yang keras.⁴⁹
- Riwayat tersebut tiada unsur menghina para sahabat seperti menggambarkan bahawa mereka berperilaku keji.⁵⁰
- Riwayat tersebut tidak menyalahi dalil sahih (al-Quran dan hadis sahih).⁵¹

⁴⁷ Al-‘Umariy, Akram Diyā’. 1415H. *Buhūth fī Tārīkh al-Sunnah al-Musharriḥah*. Madinah: Maktabah al-‘Ulum wa al-Hikam, hlm. 275.

⁴⁸ Muhamad Rozaimi Ramle & Fathullah Asni. “Manhaj al-Isti’nas bi Riwayāt wa al-Siyar ‘inda Ibn al-Qayyim: Dirāsah Tatbiqiyah ‘ala Kitāb Zād al-Ma‘ād fi Hady Khair al-‘Ibād.” *Journal Of Hadith Studies* 7, no. 1 (2022): 110.

⁴⁹ Muhamad Rozaimi Ramle & Fathullah Asni. Ibid, *Journal Of Hadith Studies* 7, no. 1 (2022): 110.

⁵⁰ Mohd Asri Zainul Abidin. 2012. *Fitnah Terhadap Sahabat Rasulullah*. Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd, hlm. 47.

⁵¹ Muhamad Rozaimi Ramle, Mohd Asri Zainul Abidin & Roshimah Shamsudin. “Analisis Pengaplikasian al-Quranul Karim Sebagai Neraca Kritikan Terhadap Riwayat Al-Maghāzī dan Al-Siyar.” *KEMANUSIAAN: The Asian Journal of Humanities* 29, no. 1 (2022):23-50.

Syarat-syarat di atas hanya digunakan jika riwayat tersebut melibatkan para sahabat Rasulullah SAW. Antara perawi yang ditolak riwayatnya dalam *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* ialah Lūṭ bin Yahyā atau lebih dikenali sebagai Abū Mikhnaḥf kerana dia didakwa sebagai pendusta.⁵² Manakala perawi daif seperti semisal al-Wāqidiy diterima riwayatnya kerana ia juga diterima oleh Ibn Ḥajar al-Asqalāniy perihal perincian sejarah.⁵³ Jika riwayat itu tidak menyentuh tentang para sahabat Rasulullah SAW dan al-Barzanjiy tidak menyebutkan status riwayatnya, maka ia diterima sebagai riwayat sejarah biasa.

b) Temu bual mendalam (*in-depth interview*)

Temu bual ialah interaksi antara dua orang atau lebih untuk memandu perbincangan hasil berasaskan konteks kajian dan memahami informan daripada kaca mata mereka sendiri.⁵⁴ Temu bual yang akan dilakukan dalam kajian ini ialah temu bual mendalam yang soalnya bersifat separa struktur. Informan yang disasarkan ialah ahli jawatankuasa masjid yang terlibat dalam pengurusan kebajikan masjid. Kaedah temu bual ini dilakukan bagi memenuhi objektif kedua.

⁵² Mohd Asri Zainul Abidin. 2012. *Fitnah Terhadap Sahabat Rasulullah*. Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd, hlm. 51.

⁵³ Wan Muḥd Usaid Wan Subki & Muḥamad Rozaimi Ramle. "Metodologi Ibn Ḥajar dalam berinteraksi dengan riwayat al-Wāqidi untuk memperincikan Kisah Sirah." *HADIS* 11, no. 21 (2021): 718-732.

⁵⁴ Aizan Sofia Amin, Ezarina Zakaria & Norulhuda Sarnon. 2021. "Metod Kajian Kualitatif." Dalam *Penulisan Tesis: Kajian Kualitatif Dan Kuantitatif*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 68.



Gambar 1
Pengkaji bersama tiga AJK Masjid Darul Istiqamah di Sarawak

c) Penelitian dokumen (*document review*)

Pemeriksaan atau penelitian dokumen mampu menyiasat bentuk serta pola yang telah lepas. Sumber-sumber dokumen yang diterima termasuklah catatan, manuskrip, emel dan sebagainya.⁵⁵ Dalam kajian ini, dokumen yang dirujuk ialah laporan audit masjid. Kaedah penelitian dokumen ini adalah sebagai sokongan bagi memenuhi objektif kedua. Akan tetapi, diandaikan bahawa bukan semua masjid membenarkan pemberian laporan audit kerana sebahagiannya menganggap sebagai dokumen sulit.

1.8.6 Kaedah Analisis Data

a) Analisis tematik

Analisis tematik ialah proses mengenal pasti pola atau tema, iaitu corak dalam data kualitatif. Ia dimulakan dengan kod tertentu kemudian dicarikan kata kunci bagi tema

⁵⁵ Hazri Jamil & Mohammad Zohir Ahmad @ Shaari. 2015. *Qualitative Research Methodology*. Pulau Pinang: Institute of Postgraduate Studies Universiti Sains Malaysia, 18.

yang sesuai terhadap kod-kod tersebut.⁵⁶ Hal ini menyerupai istilah “pengkategorian” (tema) dalam kerangka kajian *grounded theory*, hanya dibezakan dengan istilah dan beberapa proses unik dalam *grounded theory*. Analisis tematik ini khas merujuk kepada kajian dokumentasi yang akan dilakukan bagi memenuhi objektif pertama, iaitu untuk pengumpulan riwayat-riwayat athar dan sirah perihal peranan masjid selain ibadah.

b) Pengekoden

Kaedah analisis data yang digunakan dalam objektif kedua ialah pengekoden (*coding*). Pengekoden bermaksud membuat kod terhadap bahagian-bahagian data dengan menggunakan nama pendek yang merangkumi maksud sesuatu isi data.⁵⁷

Terdapat tiga jenis pengekoden iaitu *initial coding*, *focused coding* dan *theoretical coding*. Proses *initial coding* dilakukan bagi meringkaskan data transkrip daripada ayat panjang kepada ayat pendek kerana bukan semua perkataan dalam sesebuah ayat itu adalah penting.⁵⁸ Manakala transkripsi tidak diletakkan bagi meringkaskan data. Daripada *initial coding* (pengekoden), signifikan dalam data tersebut diringkaskan lagi kepada *focused coding*. *Focused coding* ialah proses mencari kata kunci signifikan berdasarkan kod sebelumnya (*initial coding*).⁵⁹ Dalam kajian ini, *focused coding* juga disebut sebagai “kategori.” Akhir sekali, *theoretical coding* iaitu kata kunci atau tema paling besar yang dipilih daripada *focused coding*,⁶⁰ hal ini dibahaskan dalam Bab Analisis Kajian dan disebut juga sebagai “elemen.”

⁵⁶ Aizan Sofia Amin, Ezarina Zakaria & Norulhuda Sarnon. 2021. “Metod Kajian Kualitatif.” Dalam *Penulisan Tesis: Kajian Kualitatif Dan Kuantitatif*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 77-78.

⁵⁷ Kathy Charmaz. 2006. *Constructing Grounded Theory: A Practical Guide through Qualitative Analysis*. Great Britain: Sage Publications Ltd, hlm. 43.

⁵⁸ Kathy Charmaz. *Ibid.*, hlm. 50.

⁵⁹ Kathy Charmaz. *Ibid.*, hlm. 57.

⁶⁰ Kathy Charmaz. *Ibid.*, hlm. 63.

Jika sesuatu perkataan atau ayat itu samar, maka *in vivo coding* akan dilakukan. *In vivo* bermaksud nukilan ayat penuh seperti yang diucapkan oleh informan. Hal ini demikian apabila sesebuah kelompok atau individu memahami sesebuah istilah itu berlainan daripada orang lain dan hanya mereka yang memahami makna khusus itu.⁶¹

c) Penulisan memo

Kebanyakan sarjana *grounded theory* menggunakan kaedah penulisan memo ini semasa menganalisis data.⁶² Penulisan memo tiada prosedur yang standard dan bergantung pada pengkaji sama ada untuk meletakkan sorotan kajian, rajah dan sebagainya.⁶³ Tesis ini pula lebih cenderung untuk menulis soalan yang tertimbul dalam lajur penulisan mem, selain daripada menyentuh isu idea baharu (*theoretical sampling*).

d) Rajah

Rajah boleh dilakukan sepanjang analisis *grounded theory* berlangsung, ia bertujuan untuk mengenal pasti perhubungan, persilangan dan pertindihan antara data.⁶⁴ Dalam kajian ini, hasil teori akan dirajahkan dalam bentuk rangka kerja.

1.8.7 Kerangka Grounded Theory

Grounded theory yang asli tidak menggunakan kerangka teori kerana kajian ini sendiri akan menghasilkan teori, walaupun tiada masalah untuk menggunakannya.⁶⁵

⁶¹ Kathy Charmaz. *Ibid.*, hlm. 55-56.


⁶² Lempert, L.B. 2007. "Asking Questions of the Data: Memo Writing in the Grounded Theory Tradition." Dalam *The Sage Handbook of Grounded Theory*, disunting oleh A. Bryant & K. Charmaz, 245-65. London: Sage, hlm. 245.

⁶³ Flick, Uwe. 2018. *Doing Grounded Theory*. London: Sage Publication, hlm. 97.

⁶⁴ Titan Ligita, Intansari Nurjannah, Kristin Wicking, Nichole Harvey, & Karen Francis. 2022. "From textual to visual: the use of concept mapping as an analytical tool in a grounded theory study." *Qualitative Research* 22(1): 132-133.

⁶⁵ Mitchell, Donald Jr. 2014. "Advancing Grounded Theory: Using Theoretical Frameworks within Grounded Theory Studies." *The Qualitative Report* 19(36): 1-11.

Oleh sebab itu, tesis ini tiada kerangka teori dan hanya menunjukkan kerangka proses *grounded theory* sebagaimana berikut:



Rajah 1
Kerangka *Grounded Theory*

Data dalam kajian ini merujuk kepada informan iaitu staf masjid. Setelah dilakukan pengekodan (*initial coding*), pengkategorian (*focused coding*) dan penulisan memo, maka mungkin akan wujud idea kategori baru yang terdapat kelompondan (*no theoretical saturation*). Maka kategori tersebut akan dilakukan pensampelan teoretikal (*theoretical sampling*). *Theoretical sampling* terjadi untuk melihat kategori yang telah tepu dan juga jika idea baru timbul untuk menghasilkan kategori baru.⁶⁶ Perkara ini juga boleh dilakukan di memo, yang bertujuan untuk melihat wujudkah idea baharu.⁶⁷ Kategori yang baru muncul ini disampelkan untuk ditanya kali kedua. Setelah semua maklumat bagi kategori baru itu tepu (*theoretical saturation*), maka ia akan melalui proses yang sama sehinggalah terhasilnya teori.

⁶⁶ Kathy Charmaz. *Ibid.*, hlm. 113.

⁶⁷ Kathy Charmaz. *Ibid.*, hlm. 119-120.

Hasil teori (*discovered theory*) akan dibentangkan di akhir kertas kajian.⁶⁸ Menurut Bryant dan Charmaz, terdapat sedikit kesamaran dalam penggunaan istilah *grounded theory* kerana ia digunakan dalam dua maksud iaitu proses dan juga hasil, tetapi ia dapat difahami berdasarkan konteks ayat.⁶⁹ Manakala dalam gambar rajah ini, istilah *grounded theory* dimaksudkan dengan hasil dapatan kajian sebagaimana rajah ini dinukil daripada Steven Engler.⁷⁰ Walau bagaimanapun, hal ini bukan suatu isu yang besar kerana terdapat dalam kaedah usul fiqah bahawa tiada perbalahan dalam penjenamaan istilah (*lā mushāḥah fī al-iṣṭilāḥ*).⁷¹

Sarjana dalam bidang *grounded theory* tidak memberitahu secara jelas mengenai keperluan untuk melakukan kesahan pakar terhadap hasil teori yang telah dibina. Menurut Glaser, beliau berpendapat untuk tidak mengesahkan hasil *grounded theory* kerana ia hanya “diubah” melalui data kajian lapangan yang lain:

The theory is not being verified as in verification studies, and thus never right or wrong ... it just gets modified by new data to compare it to ... New data never provides a disproof, just an analytic challenge.⁷²

Menurut Ahmad Sunawari, teori berasas hanya ada lima langkah iaitu; merangka penyelidikan, pengumpulan data, penyusunan data, analisis data dan perbandingan literatur.⁷³ Beliau tidak menyatakan apa-apa keperluan mengenai kesahan pakar ataupun ujian terhadap teori. Oleh itu, hasil teori adalah berdasarkan “mandat”

⁶⁸ Suddaby, Roy. “From the Editors: What Grounded Theory Is Not.” *Academy of Management Journal* 49, no. 4 (2006): 633-42.

⁶⁹ Antony Bryant & Kathy Charmaz. 2007. “Grounded Theory Research: Methods and Practice.” Dalam *The Sage Handbook of Grounded Theory*, suntingan oleh Antony Bryant & Kathy Charmaz. Thousand Oaks, CA: Sage Publications, hlm. 3.

⁷⁰ Steven Engler. 2011. “Grounded Theory.” Dalam *The Routledge Handbook of Research Methods in the Study of Religion*, suntingan oleh Michael Stausberg & Steven Engler. New York: Routledge, hlm. 257.

⁷¹ ‘Ali Jumu‘ah. *Al-Muṣṭalaḥ al-Uṣulī wa Mushkilah al-Mafāḥīm*. Kaherah: Al-Ma‘had al-‘Ālamī li al-Fikr al-Islamī, 1999, hlm. 19.

⁷² Glaser, B.G. 1998. *Doing Grounded Theory: Issues and Discussions*. Mill Valley, California: Sociology Press, hlm. 18-19.

⁷³ Ahmad Sunawari Long. 2015. *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 113.

daripada kajian lapangan yang mandiri dan tidak memerlukan kesahan pakar. Glaser & Strauss ada menyatakan hal sedemikian:

Besides reminding colleagues of a somewhat slighted task, we also are trying, through this book, to strengthen the mandate for generating theory, to help provide a defense against doctrinaire approaches to verification, and to reawaken and broaden the picture of what sociologists can do with their time and efforts. It should also help students to defend themselves against verifiers who would teach them to deny the validity of their own scientific intelligence.⁷⁴

1.8.8 Kerangka Proses Kajian

Kerangka konsep secara umumnya merupakan kerangka yang direka sendiri, dan bukannya dipinjam daripada kajian orang lain.⁷⁵ Glaser menyebutkan bahawa data kajian kualitatif mahupun kuantitatif yang menggunakan reka bentuk *grounded theory* akan menghasilkan teori konseptual yang abstrak.⁷⁶ Berikut ialah kerangka konsep bagi kajian ini:

⁷⁴ Glaser, Barney G., & Anselm L. Strauss. 1967. *The Discovery of Grounded Theory: Strategies for Qualitative Research*. Amerika Syarikat: Aldine Transaction, hlm. 7.

⁷⁵ Maxwell, Joseph A. *Ibid.*, 51.

⁷⁶ Glaser, Barney G. 2008. *Doing Quantitative Grounded Theory*. Amerika Syarikat: Sociology Press, hlm. 29.